



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	26/1/2017	MUKA SURAT	:	40
JABATAN	:	UMUM / BANJIR			
KLASIFIKASI	:	MAKLUMAN			

Punca banjir lumpur *disiasat*

AMPANG - Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) memandang serius berhubung kejadian banjir kilat yang melanda 15 rumah di sekitar

Lembah Jaya Utara, 14 Januari lalu. Yang Dipertua MPAJ, Abd Hamid Hussain berkata, MPAJ telah mengeluarkan arahan kepada pihak ter-

libat bagi Lebuhraya Lembah Klang Timur (EKVE) untuk melaksanakan tindakan pembersihan di lokasi kejadian pada hari sama.

"Kita telah mengarahkan mereka membersihkan kawasan yang terjejas di 15 rumah tersebut. Kita juga telah mengadakan lawatan tapak pembangunan bersama EKVE, Lembaga Lebuhraya Malaysia dan penduduk," katanya pada sidang media selepas menghadiri Mesyuarat Penuh MPAJ, semalam.


Menurutnya, notis juga diberikan kepada EKVE untuk mengambil tindakan segera bagi menjalankan penyasatan kes tersebut.

"Antara tindakan yang perlu dikemukakan kepada MPAJ adalah cadangan pembaikan serta pencegahan banjir, selain mengenal pasti punca kejadian dan melaksanakan kerja-kerja pembaikan pencegahan itu dengan segera," katanya.

Beliau berkata, EKVE telah mengemukakan laporan punca kejadian itu kepada MPAJ pada 18 Januari lalu.

"Tindakan pencegahan mereka adalah membesarkan kapasiti kolam tadahan air di kawasan pembangunan mereka dan kerja tersebut sedang dilaksanakan oleh mereka," katanya.

Pada 14 Januari lalu, beberapa lokasi sekitar Jalan Bukit Belacan, Lembah Jaya Utara, di sini, dilanda banjir lumpur susulan hujan lebat.



Adun Lembah Jaya, Khasim Abdul Aziz turut bersama pegawai MPAJ dan pihak kontraktor mengadakan lawatan dan berbincang berkenaan banjir lumpur yang melanda di Lembah Jaya Utara, baru baru ini.